

» Gaya suara, bahasa badan pemenang meyakinkan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Antai puisi Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan (SDPK) Peringkat Kebangsaan Ke-29 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, pada tahun ini dimonopoli peserta lelaki yang tampil dengan kehebatan tersendiri, terutama menerusi gaya suara, kelantangan dan bahasa badan yang meyakinkan.

Penghayatan peserta Johor, Muhammad Shahrin Haron ketika mendeklamasikan puisi *Isilah Kemerdekaan Ini* karya A Rahim Abdullah melayakkannya untuk membawa pulang Piala Pusingan Mantan Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba.

Kemenangan itu juga bermakna Muhammad Shahrin yang sebelum ini bergelar Johan Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Johor meraih hadiah wang tunai RM5,000, sekali gus menewaskan empat lagi peserta yang berjaya menempatkan diri ke pusingan akhir.

Bijak lontar kata

Pemenang tempat kedua pula ialah peserta mewakili institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Muhammad Safwan Mohd



Lelaki monopoli sayembara deklamasi puisi

Muhammad Shahrin (atas) dan Muhammad Safwan (kiri) dan Fairuzan selepas penyampaian hadiah Pertandingan Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan ke-29 di Auditorium DBP.

FOTO AIR SASTERA/BH

Yusuf yang mendapat RM3,000, manakala juara Negeri Sembilan, Fairuzan Abdul Majid pula pada tempat ketiga (RM2,000).

Muhammad Shahrin yang juga berkhidmat sebagai Pegawai Kebudayaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ketika ditemu bual *Sastera BH* menyifatkan kemenangannya dalam SDPK 2015 sebagai pencapaian tertinggi yang pernah diterimanya sepanjang berkecimpung dalam dunia deklamasi puisi.

“*Saya bermula di pentas deklamasi puisi sejak di bangku sekolah dan menyertai pelbagai pertandingan sejak berusia 14 tahun di sekitar Muar*”

Muhammad Shahrin Haron,
Pegawai Kebudayaan UTHM

“Saya bermula di pentas deklamasi puisi sejak di bangku sekolah dan menyertai pelbagai pertandingan sejak berusia 14 tahun di sekitar Muar.”

“Deklamator yang baik perlu bijak dalam melontar kata-kata, pengawalan nada suara dan memastikan butiran setiap diksi diucapkan umpama air yang mengalir.”

“Setiap diksi yang diucapkan pula perlu seiring dengan penghayatan, selain cabaran untuk memahami konteks kandungan puisi bertemakan patriotisme dan kemerdekaan yang menjadi sebahagian kriteria penting daripada penilaian juri,” katanya.

Muhammad Shahrin juga memaklumkan akan muncul dengan karya sulungnya mengenai deklamasi puisi yang memuatkan teknik hafalan dan latihan penghayatan untuk dikongsi bersama khalayak pembaca.

Semarakkan tinta tanah air Seramai 19 peserta mewakili negeri dan pelbagai institusi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), universiti awam dan institusi pendidikan

guru Malaysia (IPGM) mengambil bahagian pada peringkat saringan SDPK 2015.

Program anjuran Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dengan kerjasama DBP dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) itu diadakan sejak tahun 1987 bagi menyemarakkan semangat cintakan tanah air menerusi alunan puisi.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Che Azemi Haron pada majlis yang turut dihadiri Ketua Satu GAPENA, Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar dan Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP, Datuk Sallehuddin Abang Shokeran.

Peserta lain yang turut melayakkan diri ke peringkat akhir SDPK 2015 ialah Tengku Anizan Tengku Ibrahim mewakili Terengganu dan Abdul Gafar Mahdi dari Sarawak.

Antara deklamator tanah air yang pernah dinobatkan sebagai juara SDPK termasuk Puzi Hadi yang merangkul gelaran itu pada tahun 1987; Ahmad Shukri Abdullah (1996); Milyana Arshad (2007); Left Kol Mohd Radzi Abdul Hamid (2009) dan Haryani Haron (2013).



Muhammad Shahrin Haron